

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: CEDI
Sent: Monday, May 7, 2018 5:51 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Najib Bin Mansor; Jauriyah bt. Shamsuddin; Dr. Abd. Rahim b. Jaguli
Subject: PROGRAM 1iP CETUSAN BARU CEDI DALAM MERANCAKKAN PEMBANGUNAN USAHAWAN SISWA UUM



**Institut Pembangunan
Keusahawanan dan Koperasi**

CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP
DEVELOPMENT INSTITUTE

Universiti Utara Malaysia

7 MEI 2018 / 21 SYAABAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

**PROGRAM 1iP CETUSAN BARU CEDI DALAM MERANCAKKAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN SISWA UUM**



CEDI ONLINE: Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), UUM telah mengadakan “**Kursus Asas Keusahawanan kepada Pengurus-Pengurus Syarikat (pelajar)**” pada 27 dan 28 April 2018 bertempat di Bilik Taklimat CEDI, Pusat Konvensyen UUM. Kursus ini merupakan aktiviti fasa pertama bagi Program *One INASIS One Product* (1iP). Program ini mempunyai 3 fasa utama dan merupakan program berstruktur yang berimpak tinggi.

Kursus ini dimulakan dengan “Majlis Perasmian Program *One INASIS One Product* (1iP)” yang telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Dr. Mohd Najib Bin Mansor, Pengarah Eksekutif CEDI. Turut hadir Timbalan-Timbalan Pengarah CEDI, pengetua dan penasihat INASIS, pensyarah UUM, wakil UPSB, pegawai dan staf CEDI serta peserta-peserta program 1iP.

Menurut Dr. Mohd Najib, setiap INASIS perlu menubuhkan syarikat yang mendaftar dengan pihak CEDI yang berperanan sebagai Pusat Sehenti (*one stop centre*) bagi menyelaraskan program yang membabitkan 14 syarikat daripada 13 INASIS dan Akademi Golf Nasional (AGN) yang dijangka berakhir pada Oktober 2018. “Melalui program ini juga, setiap INASIS dapat mencipta identiti melalui produk atau perkhidmatan yang dibangunkan” tambahnya lagi.

Sepanjang 2 hari kursus berlangsung, peserta diberi pendedahan mengenai asas keusahawanan merangkumi modul Penubuhan Syarikat, Rancangan Perniagaan, Pengurusan Kewangan, Rancangan Pemasaran & Promosi, Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Operasi dan Pengeluaran.

Program dengan kerjasama KPT ini diadakan secara berstruktur dan berfasa bermula dengan pembudayaan keusahawanan, sokongan keusahawanan dan pengukuhan keusahawanan sehingga pelajar dapat menghasilkan produk atau perkhidmatan yang

mempunyai nilai ekonomi serta berdaya saing. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan kepakaran tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan.

Kursus telah diakhiri dengan sesi penyampaian sijil kepada semua peserta yang disampaikan oleh Dr. Jauriyah Binti Shamsuddin, Timbalan Pengarah CEDI.

Tamat.

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.